

Register your product and get support at
www.philips.com/welcome

PhotoFrame

SPF2307
SPF2327



MS-MY Manual pengguna

PHILIPS

Daftar kandungan

1	Penting	4	
	Keselamatan	4	
	Notis	4	
	Pengisytiharan Bahan Larangan	6	
	Pernyataan Kelas II	6	
2	PhotoFrame Anda	7	
	Pengenalan	7	
	Apa dalam kotak ini	7	
	Gambaran keseluruhan PhotoFrame	8	
3	Mulakan	9	
	Pasang dirian	9	
	Sambungkan kuasa	9	
	Hidupkan PhotoFrame	10	
	Pindahkan media	11	
	Ketahui ikon pad kekunci ini	12	
4	Papar foto	13	
	Uruskan tayangan slaid dan foto	13	
	Zum dan pangkas foto	14	
5	Semak seimbas	15	
	Semak imbas dan uruskan album dan media	15	
6	Jam	18	
	Paparkan jam	18	
	Menu jam	18	
7	Mesej	19	
	Buat mesej	19	
	Edit mesej	20	
	Lihat mesej	22	
8	Tetapan	23	
	Pilih bahasa pada-skrin	23	
	Laraskan kecerahan	23	
	Tetapkan masa/tarikh	24	
	Tetapkan pemasa SmartPower	25	
	Hibernat PhotoFrame	26	
	Tetapkan orientasi auto	26	
	Hidupkan/matikan bunyi butang	27	
	Tetapan pameran slaid	27	
	Lihat status PhotoFrame	30	
	Tetap semula semua tetapan ke lalai kilang	30	
9	Naik taraf PhotoFrame	31	
10	Maklumat produk	32	
11	Soalan lazim	34	
12	Glossary	35	

Perlukan bantuan?

Sila lawati www.philips.com/welcome di mana anda boleh mengakses set lengkap bahan sokongan seperti manual pengguna, kemas kini perisian terkini dan jawapan bagi soalan lazim.

1 Penting

Keselamatan

Langkah berjaga-jaga keselamatan dan penyenggaraan

- Jangan sekali-kali, menyentuh, menolak, menggosok atau memukul skrin dengan objek yang keras kerana ini boleh merosakkan skrin secara kekal.
- Apabila produk tidak digunakan bagi tempoh yang lama, cabut palamnya.
- Sebelum anda membersihkan skrin, matikan dan cabut palam kod kuasa. Bersihkan skrin hanya dengan kain yang lembut dan dilembapkan dengan air sahaja. Jangan sekali-kali gunakan bahan seperti alkohol, bahan kimia atau pencuci rumah untuk membersihkan produk.
- Jangan sekali-kali letakkan produk berhampiran dengan nyalaan terbuka atau sumber haba lain, termasuk cahaya matahari langsung.
- Jangan sekali-kali dedahkan produk pada hujan atau air. Jangan sekali-kali letakkan bekas cecair, seperti pasu, hampir dengan produk.
- Jangan sekali-kali jatuhkan produk. Jika produk anda terjatuh, ia akan rosak.
- Pastikan anda telah memasang dan menggunakan perkhidmatan atau perisian hanya daripada sumber yang boleh dipercayai yang bebas virus atau perisian yang berbahaya.
- Produk ini direka bentuk untuk penggunaan dalam bangunan sahaja.
- Gunakan penyesuai kuasa yang dibekalkan untuk produk.
- Saluran keluar soket akan dipasang berdekatan dengan produk ini dan akan dapat dicapai dengan mudah.

Notis

Jaminan

Tiada komponen yang boleh disenggara oleh pengguna. Jangan buka atau keluarkan penutup di bahagian dalam produk. Pembaikan hanya boleh dilakukan oleh Pusat Perkhidmatan Philips dan kedai pembaikan rasmi. Kegagalan untuk melakukan demikian akan membatalkan sebarang jaminan, sama ada yang nyata atau tersirat.

Apa-apa pengendalian yang dilarang secara nyata dalam manual ini, apa-apa penyelaras, atau prosedur pemasangan yang tidak disyorkan atau dibenarkan dalam manual ini hendaklah membatalkan jaminan ini.



Produk ini mematuhi keperluan penting dan peruntukan lain berkaitan Arahan 2006/95/EC (Voltan Rendah), 2004/108/EC (EMC).

Hormati hak cipta



Be responsible
Respect copyrights

Pembuatan salinan tidak sah terhadap bahan yang dilindungi salin, termasuk atur cara komputer, fail, rakaman siaran dan bunyi, mungkin melanggar hak cipta dan membentuk kesalahan jenayah. Peralatan ini tidak sepatutnya digunakan untuk tujuan yang sedemikian.

Pelupusan akhir hayat

- Produk baru anda mengandungi bahan yang boleh dikitar dan guna semula. Syarikat khusus boleh mengitar semula produk anda untuk meningkatkan jumlah bahan yang boleh diguna semula dan untuk meminimumkan jumlah yang perlu dibuang.

- Sila dapatkan maklumat tentang peraturan setempat berkenaan cara membuang monitor lama anda daripada penjual Philips setempat anda.
- (Bagi pelanggan di Kanada dan A.S.) Buang produk lama mengikut peraturan negeri dan persekutuan setempat.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai kitaran semula, hubungi www.eia.org (Inisiatif Pendidikan Pengguna).

Maklumat Kitar Semula untuk Pelanggan

Philips mewujudkan objektif yang berdaya maju dari segi teknikal dan ekonomi demi mengoptimumkan prestasi alam sekitar produk, perkhidmatan dan organisasi ini. Dari peringkat perancangan, reka bentuk dan pengeluaran, Philips memberi tekanan terhadap pentingnya membuat produk yang mudah dikitar semula. Di Philips, pengurusan akhir-hayat asasnya bermaksud penyertaan dalam inisiatif ambil-kembali kebangsaan dan di mana mungkin, program kitar semula, terutamanya dalam bentuk kerjasama dengan para pesaing.

Buat masa ini terdapat sistem kitar semula yang sedang dijalankan di negara Eropah, seperti Belanda, Belgium, Norway, Sweden dan Denmark.

Di A.S., Philips Consumer Lifestyle Amerika Utara telah menyumbangkan dana untuk Projek Kitar Semula Elektronik Perikatan Industri Elektronik (EIA) serta inisiatif kitar semula peringkat negeri bagi produk elektronik akhir-hayat daripada sumber isi rumah. Di samping itu, Majlis Kitar Semula Timur Laut (NERC) - sebuah pertubuhan bukan untung berbilang negeri memberi tumpuan terhadap mempromosi pembangunan pasaran kitar semula - rancangan untuk melaksanakan program kitar semula.

Di Asia Pasifik, Taiwan, produk ini boleh diambil semula oleh Pentadbiran Perlindungan Alam Sekitar (EPA) untuk mematuhi proses pengurusan kitaran semula produk, butiran boleh diperolehi di tapak web www.epa.gov.tw.

Maklumat persekitaran



Produk anda direka bentuk dan dikilangkan dengan menggunakan bahan dan komponen berkualiti tinggi, yang boleh dikitar semula dan digunakan semula.

Apabila simbol tong beroda yang dipangkah ini dilekatkan pada sesuatu produk, ia bermakna produk tersebut diliputi oleh Arahan Eropah 2002/96/EC.



Jangan buang produk anda dengan buangan isi rumah yang lain. Sila ambil tahu tentang peraturan tempatan mengenai pengumpulan berasingan produk elektrik dan elektronik. Cara membuang produk lama anda yang betul akan membantu mencegah kemungkinan akibat negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia.

North Europe Information (Nordic Countries)

VARNING:

FÖRSÄKRA DIG OM ATT HUVUDBRYTARE OCH UTTAG ÄR LÄTÅTKOMLIGA, NÄR DU STÄLLER DIN UTRUSTNING PÅPLATS.
Placering/Ventilation

ADVARSEL:

SØRG VED PLACERINGEN FOR, AT NETLEDNINGENS STIK OG STIKKONTAKT ER NEMT TILGÆNGELIGE.
Paikka/Ilmankierto

VAROITUS:

Sijoita laite siten, että verkkokohto voidaan tarvittaessa helposti irrottaa pistorasiasta.

Plassering/Ventilasjon

ADVARSEL:

Når dette utstyret plasseres, må du passe på at kontaktene for stømtilførsel er lette å nå.

Pengisytiharan Bahan Larangan

Produk ini mematuhi keperluan RoHs dan Philips BSD (AR17-G04-5010-010).

Pernyataan Kelas II

Simbol peralatan kelas II:



Simbol ini menunjukkan bahawa produk ini mempunyai sistem pengasingan berganda.

2 PhotoFrame Anda



Tahniah atas pembelian anda dan selamat menggunakan Philips! Untuk memanfaatkan sepenuhnya daripada sokongan yang ditawarkan oleh Philips, daftar produk anda di www.philips.com/welcome.


- Panduan permulaan pantas

Pengenalan


Philips Digital PhotoFrame ini membolehkan anda menggunakan PhotoFrame untuk:

- Memaparkan foto JPEG
- Mencipta mesej hadiah

Apa dalam kotak ini



- Philips Digital PhotoFrame



- Dirian




- Penyesuai kuasa AC-DC



- CD-ROM dengan Manual pengguna

Gambaran keseluruhan PhotoFrame



① ⏹

- Tekan untuk menukar mod: tayangan slaid/jam/kalendar
- Tahan untuk menghidup/mematikan PhotoFrame

② ⌂

- Tekan untuk kembali
- Tahan untuk pergi ke skrin utama

③ OK (Kayu Bedik)

- Tekan untuk mengesahkan pilihan
- Tekan untuk menjeda atau menyambung semula mainan.
- Gerakkan ke atas/bawah/kiri/kanan untuk memilih pilihan atas/bawah/kiri/kanan

④ MENU

- Tekan untuk masuk/keluar dari menu

⑤ DC

- Soket untuk penyesuaikan kuasa AC-DC

⑥ ↲

- Lubang alur untuk kabel USB ke PC

⑦ SD/MMC/MS/MS Pro

- Slot untuk kad SD/MMC/MS/MS Pro

⑧ Kunci Kensington


⑨ Lubang dirian

⑩ Lubang lekapan dinding

3 Mulakan

! Awas

- Gunakan kawalan hanya seperti yang dinyatakan dalam manual pengguna ini.



Sentiasa ikuti arahan dalam bab ini mengikut urutan.

Jika anda menghubungi Phillips, anda akan diminta untuk memberikan model dan nombor siri perkakas ini. Nombor model dan nombor siri terletak pada bahagian belakang perkakas. Tulis nombor tersebut di sini:


No. Model _____

No. Siri _____

Pasang dirian

Untuk meletakkan PhotoFrame pada permukaan mendatar, sambungkan dirian yang dibekalkan pada bahagian belakang PhotoFrame.

- 1 Masukkan dirian ke dalam PhotoFrame dan tempatkan penunjuk pada dirian pada kedudukan




- 2 Putar dirian melawan arah jam sebanyak 45 darjah kepada kedudukan dan kuncikannya kepada PhotoFrame dengan kukuh.

Sambungkan kuasa


■ Catatan

- Apabila anda menentukan kedudukan PhotoFrame, pastikan palam dan salur keluar kuasa boleh diakses dengan mudah.

- 1 Sambungkan kord kuasa ke soket **DC** PhotoFrame.



- 2 Sambungkan kord kuasa ke soket bekalan kuasa.



- ↳ Beberapa saat kemudian, secara automatik PhotoFrame dihidupkan.

Hidupkan PhotoFrame

Catatan

- Apabila anda menyambung PhotoFrame kepada bekalan kuasa, PhotoFrame akan hidup secara automatik.

- 1 Apabila PhotoFrame dimatikan dan disambung kepada bekalan kuasa, tahan ⌂ untuk menghidupkan PhotoFrame.

Pada kali pertama anda menghidupkan PhotoFrame:


- Skrin akan menggesa anda untuk memilih bahasa.



- Pilih bahasa, kemudian tekan **OK**.



- Skrin akan menggesa anda untuk menetapkan masa dan tarikh.



- Gerakkan kayu bedik untuk menetapkan masa dan tarikh, dan kemudian tekan **OK**.



Petua

- Jika sambungan PhotoFrame kepada bekalan kuasa telah tidak disambungkan dalam tempoh masa yang panjang, anda perlu menetapkan masa dan tarikh sekali lagi selepas anda menghidupkan PhotoFrame.

Matikan PhotoFrame

Catatan

- Anda hanya boleh mematikan PhotoFrame selepas semua tindakan salin dan simpan disempurnakan.
- Untuk mematikan PhotoFrame, tekan dan tahan ⌂ selama kira-kira 2 saat.

Pindahkan media

Pindahkan foto menggunakan peranti storan.



Awas

- Jangan putuskan sambungan peranti storan dengan PhotoFrame sepanjang pemindahan media.

PhotoFrame menyokong kebanyakan jenis peranti storan berikut:

- Digital Selamat (SD)
- Muan Tinggi Digital Selamat (SDHC)
- Kad Multimedia (MMC)
- Memory Stick (MS)
- Memory Stick Pro (MS Pro) (dengan penyesuai)

1 Masukkan peranti storan ke dalam PhotoFrame.

↳ Menu pilihan dipaparkan.



[Play Photos]: Pilih ia untuk memainkan media pada peranti storan

[Browse]: Pilih ia untuk menyemak imbas media pada peranti storan

[Copy to PhotoFrame]: Pilih ia untuk memulakan proses pemindahan

2 Pilih **[Copy to PhotoFrame]**, kemudian tekan **OK**.

↳ Mesej pengesahan dipaparkan.

Untuk menyalin foto ke PhotoFrame:

1 Pilih **[Yes]**, kemudian tekan **OK**.

- Untuk mengalih keluar peranti storan, tarik ia keluar daripada PhotoFrame.


Pindahkan foto menggunakan komputer



Awas

- Jangan tanggalkan PhotoFrame daripada komputer semasa pemindahan media.

1 Sambungkan kabel USB kepada PhotoFrame dan kepada komputer.



↳ Anda boleh tarik dan lepaskan media daripada komputer kepada album pada PhotoFrame.

2 Selepas pemindahan selesai, tanggalkan kabel USB daripada komputer dan PhotoFrame.



Petua

- Anda boleh memindahkan media daripada PhotoFrame kepada komputer.
- Kelajuan pemindahan bergantung kepada sistem pengendalian dan konfigurasi perisian komputer.

Ketahui ikon pad kekunci ini

	Input dalam Bahasa Inggeris
	Input dalam Bahasa-bahasa Eropah yang disokong
	Input dalam Bahasa Cina Mudah
	Input dalam Bahasa Rusia
	Tukar untuk memilih simbol, tanda baca, huruf atau nombor
	Tukar antara huruf besar dan huruf kecil
	Masukkan ruang kosong
	Masukkan pemisah baris

4 Papar foto

Catatan

- Anda boleh paparkan foto JPEG dalam mod tayangan slaid pada PhotoFrame.

1 Pada skrin utama, pilih [Play] dan kemudian tekan **OK**.



↳ Foto dipaparkan dalam mod tayangan slaid.

Dalam mod tayangan slaid:

- Untuk menghentikan tayangan slaid sebentar, tekan **OK**.
- Untuk meneruskan tayangan slaid, tekan **OK** sekali lagi.
- Untuk memilih foto sebelum/selepas, gerakkan kayu bedik ke kiri/kanan.
- Untuk melihat foto dalam mod jalur filem, gerakkan kayu bedik ke atas.

Dalam mod jalur filem:

- Untuk memilih foto sebelum/selepas, gerakkan kayu bedik ke kiri/kanan.
- Untuk kembali kepada mod tayangan slaid, ketuk **OK**.

Petua


- Semasa tayangan slaid kolaj, foto dipaparkan secara rawak.

Uruskan tayangan slaid dan foto

Anda boleh mengambil langkah berikut untuk menguruskan foto dalam mod tayangan slaid atau tetapan tayangan slaid:

1 Tekan **MENU**.

↳ Menu pilihan dipaparkan.



Automatic tilting. Goes whichever way you want it
Inclinaison automatique, dans le sens de votre choix

2 Buat pilihan, kemudian tekan **OK**.

- **[View Mode]**: Pilih mod paparan
- **[Add to Favorites]**: Tambah foto kepada album **[Favorites]** pada PhotoFrame
- **[Slideshow settings]**
 - **[Interval]**: Tetapkan selang masa tayangan slaid
 - **[Shuffle]**: Mainkan media secara rawak atau sebaliknya
 - **[Color Tone]**: Pilih warna bagi foto
 - **[Transition Effect]**: Pilih kesan peralihan
 - **[Background Color]**: Pilih warna latar belakang
- **[Rotate]**: Pilih orientasi untuk memutar foto
- **[Copy]**: Salin foto ke album lain
- **[Delete]**: Padam foto
- **[Zoom]**: Zum dan pangkas foto
- **[Brightness]**: Gerakkan kayu bedik ke atas/bawah untuk melaraskan kecerahan paparan


Zum dan pangkas foto

Dengan PhotoFrame, anda boleh mengezum masuk foto, memangkasnya, dan menyimpannya sebagai foto baru.

- 1 Dalam mod tayangan slaid, tekan **MENU**.
↳ Mesej pengesahan dipaparkan.
- 2 Pilih **[Zoom]**.




- 3 Tekan **OK** berulang kali untuk mengezum masuk foto (atau keluar daripada mod zum).
- 4 Gerakkan kayu bedik untuk menyorot foto.
- 5 Tekan **MENU**.
- 6 Pilih **[Crop and Save]**, kemudian tekan **OK**.



- ↳ Mesej pengesahan dipaparkan.

- 7 Pilih **[Yes]**, kemudian tekan **OK**.
 - Untuk membatalkan proses, pilih **[No]** dan kemudian tekan **OK**.
- 8 Pilih lokasi tempat menyimpan foto baru ini, lalu tekan **OK**.



Automatic tilting. Goes whichever way you want it
Inclinaison automatique, dans le sens de votre choix

- ↳ Selepas foto disimpan, PhotoFrame kembali kepada mod tayangan slaid.

5 Semak seimbas

Semak imbas dan uruskan album dan media

Anda boleh menyemak imbas dan menguruskan album dan media dalam mod gelombang atau mod album.

- Mod gelombang:



- Mod album:



Semak imbas album:

- 1 Pada skrin utama, pilih [Browse] dan kemudian tekan **OK**.



- ↳ Album dipaparkan dalam mod gelombang.
- Untuk mengakses mod album, tekan **OK**.
 - Untuk kembali kepada mod gelombang, tekan **OK**.
- Dalam mod gelombang/album,
 - Tekan **OK** sekali: Foto dipaparkan dalam mod jeda.
 - Tekan **OK** dua kali: Tayangan slaid dimulakan.

Uruskan album dan media:

- 1 Pilih album/peranti, tekan **MENU**.
 - ↳ Menu pilihan dipaparkan.
- 2 Buat pilihan, dan kemudian tekan **OK** untuk meneruskan.

Menu album:



- **[Add to Favorites]**: Tambah media dalam album ke dalam album **[Favorites]**
- **[Create New Album]**: Buat album
- **[Copy]**: Salin media dalam album ke dalam album lain
- **[Move]**: Pindahkan media dalam album ke dalam album lain
- **[Delete]**: Padam media dalam album
- **[Rename]**: Tukar nama album
- **[Multiple-select]**: Pilih berbilang foto untuk diuruskan

Menu foto imej kecil:



- **[Add to Favorites]**: Tambah media dalam album ke dalam album **[Favorites]**
- **[Copy]**: Salin media dalam album ke dalam album lain
- **[Move]**: Pindahkan media dalam album ke dalam album lain
- **[Delete]**: Padam media dalam album
- **[Rotate]**: Putar foto dalam album
- **[Color Tone]**: Pilih warna untuk foto
- **[Multiple-select]**: Pilih berbilang foto untuk diuruskan

Apabila anda memilih album **[Favorites]**, menu berlainan akan dipaparkan.

- **[Delete]**: Padam media dalam album
- **[Copy]**: Salin media dalam album ke dalam album lain

Tambah media kepada album kegemaran

Untuk menambah media dalam album kepada album **[Favorites]**:

- 1 Pilih **[Add to Favorites]**, kemudian tekan **OK**.

Buat album

- 1 Pilih **[Create New Album]**, kemudian tekan **OK**.
- 2 Untuk memasukkan nama (lebih kurang 24 aksara), pilih satu huruf/nombor dan kemudian tekan **OK**.
 - Untuk beralih antara huruf besar dan huruf kecil, pilih **aA** pada pad kekunci yang dipaparkan dan kemudian tekan **OK**.
- 3 Selepas nama telah lengkap, pilih **✓** dan kemudian tekan **OK**.
- 4 Tekan **OK** untuk memulakan proses penyimpanan.

Salin media

- 1 Pilih **[Copy]**, kemudian tekan **OK**.
- 2 Pilih album sasaran, dan kemudian tekan **OK** untuk mula menyalin.

Pindahkan media


- 1 Pilih **[Move]**, kemudian tekan **OK**.
- 2 Pilih album sasaran, dan kemudian tekan **OK** untuk memulakan pemindahan.

Padam media

- 1 Pilih **[Delete]**, kemudian tekan **OK**.
 - Mesej pengesahan dipaparkan.
- 2 Pilih **[Yes]**, dan kemudian tekan **OK** untuk memulakan pemadaman.
 - Untuk membatalkan proses, tahan **↖**.

Namakan semula album

- 1 Pilih [Rename], dan kemudian tekan **OK** untuk mengesahkan.
↳ Pad kekunci dipaparkan.
- 2 Gerakkan kayu bedik ke bawah sebanyak dua kali untuk memasuki pad kekunci.
- 3 Untuk memasukkan nama (lebih kurang 24 aksara), pilih satu huruf/nombor dan kemudian tekan **OK**.
 - Untuk beralih antara huruf besar dan huruf kecil, pilih **aA** pada pad kekunci yang dipaparkan dan kemudian tekan **OK**.
- 4 Selepas nama telah lengkap, pilih **✓** dan kemudian tekan **OK**.



Pilih berbilang foto untuk diuruskan

- 1 Pilih [Multiple-select], kemudian tekan **OK**.
- 2 Pilih media.
 - Untuk memilih semua media dalam album, tekan **OK**.
 - Untuk memilih sesetengah media: Gerakkan kayu bedik dan tekan **OK** untuk memilih media. Kemudian ulangi langkah ini untuk memilih yang lain.
 - Untuk menyahpilih media, pilih ia dan tekan **OK** sekali lagi.
- 3 Selepas selesai memilih, tekan **MENU** untuk meneruskan.
↳ Menu pilihan dipaparkan.

- 4 Buat pilihan untuk meneruskan.
 - **[Add to Favorites]**: Tambah media yang dipilih kepada **[Favorites]** album
 - **[Copy]**: Salin media yang dipilih kepada album lain
 - **[Move]**: Pindahkan media yang dipilih kepada album lain
 - **[Delete]**: Padam media yang dipilih
 - **[Rotate]**: Putar media yang dipilih
 - **[Play slideshow]**: Mainkan media yang dipilih dalam mod tayangan slaid

Putar foto

- 1 Pilih **[Rotate]**, dan kemudian ketuk **OK**.
- 2 Ketuk **◀ / ▶** untuk memutar foto, dan kemudian ketuk **OK**.

6 Jam

Paparkan jam

- 1 Pada skrin utama, pilih [Clock] dan kemudian tekan **OK**.



↳ Jam/kalendar dipaparkan.

Menu jam

- 1 Apabila jam/kalendar dipaparkan, tekan **MENU** untuk memasuki menu jam.




- **[Select Clock]:** Gerakkan kayu bedik ke kiri/kanan untuk memilih jam atau kalender lain yang hendak dipaparkan.

- **[Time and Date]:** Gerakkan kayu bedik ke atas/bawah/kiri/kanan untuk memilih masa/tarikh atau untuk memilih format masa/tarikh. Untuk butiran, lihat Bahagian "Tetapan - Tetapkan masa dan tarikh".

Pilih gaya jam/kalendar

- 1 Pada menu jam, pilih **[Select Clock]** dan kemudian tekan **OK**.
- 2 Gerakkan kayu bedik ke kiri/kanan untuk memilih templat jam atau kalender, dan kemudian tekan **OK**.



- Untuk kembali ke skrin utama, tahan **Home**.


7 Mesej

Buat mesej


- 1 Pada skrin utama, pilih [Message] dan kemudian tekan **OK**.




- 2 Pilih [Add a message to your photo], kemudian tekan **OK**.



- 3 Gerakkan kayu bedik ke kanan atau ke kiri untuk memilih templat mesej, dan kemudian tekan **OK**.



- Edit teks mesej atau tukar imej mesej.





- Tetapkan masa dan tarikh sebenar jika berkenaan.

- 4 Pilih [Done].


↳ Skrin menggesa anda untuk menjadualkan mesej.

- 5 Jadualkan mesej.



- **[Message Name]:** Masukkan nama. Untuk butiran, lihat “Masukkan nama mesej”.
- **[Repeat]:** Pilih kekerapan ulangan
- **[Set Date]:** Tetapkan tarikh atau hari
- **[Set Time]:** Tetapkan masa

6 Selepas anda melengkapkan mesej, pilih **[Done]** dan tekan **OK**.



- Untuk kembali ke skrin utama, tahan .

Masukkan nama mesej

- 1 Pilih **[Message Name]**, kemudian tekan **OK**.
- 2 Gerakkan kayu bedik ke bawah dua kali untuk memasuki pad kekunci.
- 3 Untuk memasukkan nama (lebih kurang 24 aksara), pilih satu huruf/nombor dan kemudian tekan **OK**.
 - Untuk beralih antara huruf besar dan huruf kecil, pilih **aA** pada pad kekunci yang dipaparkan dan kemudian tekan **OK**.
- 4 Selepas nama telah lengkap, pilih  dan kemudian tekan **OK**.


Edit mesej

- 1 Pada skrin utama, pilih **[Message]** dan kemudian tekan **OK**.


- Untuk melihat mesej yang ada, pilih **[View Message]**.



2 Pilih [Add a message to your photo], kemudian tekan **OK**.



3 Gerakkan kayu bedik ke kanan atau ke kiri untuk memilih templat mesej, dan kemudian tekan **OK**.




4 Gerakkan kayu bedik untuk memilih salah satu pilihan berikut untuk mengedit mesej.

- **[Change Image]:** Tukar foto mesej
- **[Edit Text]:** Edit teks mesej

Untuk menukar foto mesej:


1 Pilih **[Change Image]**, kemudian tekan **OK**.



2 Pilih foto yang ada pada PhotoFrame, dan kemudian tekan **OK**.


Untuk mengedit teks mesej:

1 Pilih **[Edit Text]**, kemudian tekan **OK**.



2 Pilih templat yang telah dipraset, dan kemudian tekan **OK**.

↳ Papan kekunci dipaparkan.



- 3** Gerakkan kayu bedik ke bawah dua kali untuk memasuki pad kekunci.
- 4** Untuk memasukkan teks, pilih huruf/nombor dan kemudian tekan **OK**.
 - Pilih kaedah input, lihat “Ketahui ikon pad kekunci ini”.
 - Untuk beralih antara huruf besar dan huruf kecil, pilih **aA** pada pad kekunci yang dipaparkan dan kemudian tekan **OK**.
- 5** Selepas anda selesai memasukkan teks, pilih **✓** dan kemudian tekan **OK**.
- 6** Gerakkan kayu bedik ke atas/bawah/kanan/kiri untuk menentukan kedudukan teks, dan kemudian tekan **OK**.
- 7** Gerakkan kayu bedik ke atas/bawah/kanan/kiri untuk memilih warna atau fon teks, dan kemudian tekan **OK**.




- 8** Gerakkan ke **✓**, dan kemudian tekan **OK**.


9 Pilih **[Done]**, kemudian tekan **OK**.

Lihat mesej

- 1** Pada skrin utama, pilih **[Message]** dan kemudian tekan **OK**.
- 2** Pilih **[View Message]**, kemudian tekan **OK**.



- 3** Pilih templat mesej, dan kemudian tekan **OK**.
 - ↳ Templat mesej dipaparkan.
- 4** Tekan **MENU**, dan kemudian buat pilihan untuk meneruskan.



- 5** Ikuti arahan atas skrin untuk menjadualkan semula mesej atau memadam mesej.
 - Untuk kembali ke skrin penyemak imbas mesej, pilih **[Done]** dan kemudian tekan **OK**.

8 Tetapan

Pilih bahasa pada-skrin

- 1 Pada skrin utama, pilih [Settings] dan kemudian tekan **OK**.



- 2 Pilih [Language], kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih bahasa, kemudian tekan **OK**.



Laraskan kecerahan

Anda boleh melaraskan kecerahan PhotoFrame untuk mendapatkan pandangan terbaik.

- 1 Pada skrin utama, pilih [Settings] dan kemudian tekan **OK**.



- 2 Pilih [Brightness], kemudian tekan **OK**.



- 3 Gerakkan kayu bedik ke atas/bawah untuk melaraskan kecerahan, dan kemudian tekan **OK**.

Tetapkan masa/tarikh

- 1 Pada skrin utama, pilih [Settings] dan kemudian tekan **OK**.



- 2 Pilih [Time and Date], kemudian tekan **OK**.




Tetapkan format masa/tarikh

- 1 Pada skrin utama, pilih [Settings] dan kemudian tekan **OK**.



- 2 Pilih [Time and Date], kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih [Select Time Format] / [Select Date Format], dan kemudian tekan **OK**.
- 4 Pilih format, dan kemudian tekan **OK**.



Tetapkan pemasa SmartPower

Pemasa SmartPower membolehkan anda mengkonfigurasi masa bagi paparan PhotoFrame dihidupkan atau dimatikan secara automatik. Apabila paparan mati secara automatik, PhotoFrame akan memasuki mod siap sedia (tidur).

Catatan

- Pastikan bahawa waktu semasa bagi PhotoFrame ditetapkan dengan betul.

1 Pada skrin utama, pilih [Settings] dan kemudian tekan **OK**.




2 Pilih [SmartPower], kemudian tekan **OK**.

3 Pilih [Set On-Time] / [Set Off-Time], dan kemudian tekan **OK**.

- Untuk mematikan fungsi SmartPower, pilih [Off] dan kemudian tekan **OK**.



4 Gerakkan kayu bedik ke atas/bawah/kanan/kiri untuk mengeset masa, dan kemudian tekan **OK**.



Petua

- Apabila PhotoFrame anda berada dalam mod siap sedia (tidur), anda boleh menekan \diamond untuk membangunkan PhotoFrame.

Hibernat PhotoFrame

- 1 Pada skrin utama, pilih [Settings] dan kemudian tekan **OK**.



- 2 Pilih [Hibernate], kemudian tekan **OK**.
3 Buat pilihan, kemudian tekan **OK**.



- ↳ Selepas tempoh yang dipilih, PhotoFrame berhibernat.
• Untuk menyahdayakan fungsi hibernat, pilih [Never] dan kemudian tekan **OK**.

Settings	
Language	Never
Brightness	15 Minutes
Time and Date	20 Minutes
SmartPower	25 Minutes
Hibernate	30 Minutes
Auto-orientate	45 Minutes
Set Beep	1 Hour
Slideshow	2 Hours
Info	3 Hours

- Untuk mengeluarkan PhotoFrame daripada berhibernat, tekan **Ø**.



Tetapkan orientasi auto

Dengan fungsi orientasi auto, anda dapat memainkan foto dalam orientasi yang betul bergantung kepada orientasi mendatar/menegak PhotoFrame.

- 1 Pada skrin utama, pilih [Settings] dan kemudian tekan **OK**.



- 2 Pilih [Auto-orientate], kemudian tekan **OK**.
3 Pilih [On], kemudian tekan **OK**.



- Untuk menyahdayakan fungsi orientasi auto, pilih [Off] dan kemudian tekan **OK**.
- Untuk mematikan bunyi butang, pilih [Off] dan kemudian tekan **OK**.

Hidupkan/matikan bunyi butang

1 Pada skrin utama, pilih [**Settings**] dan kemudian tekan **OK**.



2 Pilih [**Set Beep**], kemudian tekan **OK**.
3 Untuk menghidupkan bunyi butang, pilih [**On**] dan kemudian tekan **OK**.


Tetapan pameran slaid

Pilih selang masa tayangan slaid

1 Pada skrin utama, pilih [**Settings**] dan kemudian tekan **OK**.



2 Pilih [**Slideshow**], kemudian tekan **OK**.
3 Pilih [**Interval**], kemudian tekan **OK**.



- 4** Pilih selang masa tayangan slaid, dan kemudian tekan **OK**.

Pilih kesan peralihan

- 1** Pada skrin utama, pilih **[Settings]** dan kemudian tekan **OK**.



Pilih jujukan tayangan slaid


- 1** Pada skrin utama, pilih **[Settings]** dan kemudian tekan **OK**.



- 2** Pilih **[Slideshow]**, kemudian tekan **OK**.
3 Pilih **[Shuffle]**, kemudian tekan **OK**.
4 Untuk memaparkan tayangan slaid secara rawak, pilih **[On]** dan kemudian tekan **OK**.
 - Untuk memaparkan tayangan slaid mengikut jujukan, pilih **[Off]** dan kemudian tekan **OK**.

- 2** Pilih **[Slideshow]**, kemudian tekan **OK**.

- 3** Pilih **[Transition Effect]**, kemudian tekan **OK**.



- 4** Pilih kesan peralihan, dan kemudian tekan **OK**.


Pilih warna latar

Anda boleh memilih warna jidar latar belakang untuk foto yang lebih kecil daripada skrin paparan PhotoFrame.

- 1** Pada skrin utama, pilih **[Settings]** dan kemudian tekan **OK**.



- 2** Pilih [Slideshow], kemudian tekan **OK**.
- 3** Pilih [Background Color], kemudian tekan **OK**.
- 4** Pilih [RadianColor] / warna latar/ [Auto-fit], dan kemudian tekan **OK**.



↳ Jika anda memilih [RadianColor], PhotoFrame memanjangkan warna pada pinggir foto yang lebih kecil daripada skrin penuh untuk memenuhi skrin tanpa bar hitam atau herotan nisbah aspek.



↳ Jika anda memilih warna latar belakang, PhotoFrame memaparkan foto dengan warna latar belakang.



↳ Jika anda memilih [Auto-fit], PhotoFrame memanjangkan foto untuk memenuhi skrin dengan herotan gambar.

Lihat status PhotoFrame

Anda boleh mendapatkan nama model, versi perisian tegar PhotoFrame, dan status memori PhotoFrame dan peranti storan lain yang ada pada PhotoFrame.

- 1 Pada skrin utama, pilih [Settings] dan kemudian tekan **OK**.



- 2 Pilih [Info].
↳ Maklumat PhotoFrame dipaparkan pada skrin.

Settings	
Language	PhotoFrame SPF2307/SPF2327
Brightness	Software version: 0.53
Time and Date	Type:
SmartPower	Internal memory
Hibernate	59.05MB
Auto-orientate	Used:
Set Beep	0.60MB
Slideshow	Free space:
Info	



- 2 Pilih [Default Settings], kemudian tekan **OK**.
↳ Mesej pengesahan dipaparkan.
- 3 Pilih [Yes], kemudian tekan **OK**.
↳ Semua tetapan pada PhotoFrame ditetapkan kepada lalai kilang.
- Untuk membatalkan proses, pilih [No] pada mesej penggesa dan kemudian tekan **OK**.

Tetap semula semua tetapan ke lalai kilang

- 1 Pada skrin utama, pilih [Settings] dan kemudian tekan **OK**.

9 Naik taraf PhotoFrame



Awas

- Jangan matikan kuasa PhotoFrame sewaktu naik taraf perisian.

Jika terdapat kemas kini perisian, anda boleh memuat turun perisian terkini dari www.philips.com/support untuk menaik taraf PhotoFrame anda. Perisian yang lebih awal tidak tersedia dalam talian.

- 1 Lawati www.philips.com/support.
- 2 Cari PhotoFrame anda dan pergi ke seksyen perisian.
- 3 Muat turun perisian terkini ke atas direktori asas bagi kad SD.
- 4 Masukkan kad SD ke dalam PhotoFrame.
- 5 Hidupkan PhotoFrame
↳ Mesej pengesahan dipaparkan.
- 6 Pilih [Yes], dan kemudian tekan **OK** untuk mengesahkan.
↳ Apabila naik taraf selesai, PhotoFrame dibut semula.

10 Maklumat produk

Catatan

- Maklumat produk tertakluk pada perubahan tanpa notis terlebih dahulu.

Gambar/Paparan

- Sudut pandangan: @C/R > 10, 130° (H)/110° (V)
- Tempoh hayat, hingga kecerahan 50%: 20000jm
- Nisbah bidang: 4:3
- Resolusi panel: 800 x 600
- Kecerahan (biasa): 180cd/m²
- Nisbah kontras (tipikal): 300:1
- Sokongan format foto: Foto JPEG (maksimum: resolusi 8000 x 6000 piksel)

Media penyimpanan

- Muatan memori dalaman: 128 MB
- Jenis Kad Memori:
 - Digital Selamat (SD)
 - Muatan Tinggi Digital Selamat (SDHC)
 - Kad Multimedia (MMC)
 - Memory Stick (MS)
 - Memory Stick Pro (MS Pro)

Kesambungan

- USB: USB 2.0 Hamba

Dimensi & Berat

- Set dimensi tanpa dirian (LxTxD): 194.5 x 159 x 28mm
- Set dimensi dengan dirian (LxTxD): 194.5 x 159 x 93.5mm
- Berat (dengan dirian): 0.378 kg

Perubahan suhu

- Pengendalian: 0 °C - 40 °C/32 °F - 104 °F
- Penyimpanan: -10 °C - 60 °C/14 °F - 140 °F

Kuasa

- Mod kuasa yang disokong: dikuasai AC
- Tahap kecekapan: V
- Penggunaan biasa (semasa sistem hidup): 4 W
- Penyesuaikan kuasa:
 - Pengeluar: Philips Consumer Lifestyle International B.V.
 - Nombor model: DSA-3RNA-05 Fxx (xx=EU, UK, AU, CN)
 - Input: AC 100-240V ~ 50-60Hz 0.3A
 - Output : DC 5V == 650mA

Penyesuaian	Daerah
DSA-3RNA-05 FEU	Eropah, Rusia, dan Singapura
DSA-3RNA-05 FUK	U.K. dan Hong Kong
DSA-3RNA-05 FAU	Australia dan New Zealand
DSA-3RNA-05 FCN	China

Aksesori

- Penyesuaian AC-DC
- CD-ROM dengan manual pengguna digital
- Panduan permulaan pantas

Kemudahan

- Pembaca Kad: Terbina dalam
- Format foto yang disokong:
 - Foto JPEG (maksimum: resolusi 8000 x 8000 piksel)
 - Foto JPEG Progresif (Sehingga 1024 x 768 piksel)
- Peletakan disokong: Orientasi auto foto
- Butang dan kawalan: Kayu bedik, butang rerumah/kembali, butang menu, butang kuasa/mod
- Mod main balik: Tayangan slaid, paparan imej kecil, paparan gelombang, paparan album
- Pengurusan album: Buat, salin, pindah, padam, tambah kepada album kegemaran.

- Pengurusan foto: Salin, pindah, padam, putar, tambah kepada album kegemaran, ton warna
- Jam: Jam, kalender, tetapkan masa dan tarikh
- Mesej: Buat mesej, lihat mesej
- Tetapan tayangan slaid: Kesan peralihan, warna latar, mod paparan, selang masa, kocok, ton warna
- Ton warna: Hitam putih, Sepia, warna-warna lain
- Latar belakang skrin: Hitam, putih, kelabu, muat auto, WarnaBerseri
- Tetapan: Bahasa, kecerahan, masa dan tarikh, SmartPower, hibernat, orientasi auto, bip (bunyi butang), tetapan tayangan slaid, maklumat mengenai PhotoFrame, set semula PhotoFrame kepada tetapan lalai kilang
- Status sistem: Nama mesra, versi perisian, saiz memori
- Keserasian Pasang & Main: Windows Vista/XP/7, Mac OS X 10.4/10.5/10.6
- Kelulusan Pengawalaturan: BSMI, C-Tick, CCC, CE, GOST, PSB
- Lain-lain kemudahan: Serasi kunci Kensington
- Bahasa Paparan pada Skrin: Inggeris, Perancis, Jerman, Sepanyol, Itali, Denmark, Belanda, Portugis, Rusia, Cina Mudah, Cina Tradisional

11 Soalan lazim

Adakah skrin sentuh LCD didayakan?

Skrin LCD tidak didaya-sentuh. Gunakan butang pada bahagian belakang kawalan PhotoFrame.

Bolehkah saya menggunakan PhotoFrame untuk memadam foto pada kad memori?

Ya, ia menyokong operasi untuk memadam foto pada peranti luaran seperti kad memori. Pastikan anda mendayakan fungsi pemadaman pada kad memori yang ada pada PhotoFrame.

Mengapa PhotoFrame saya tidak memaparkan sesetengah foto saya?

- PhotoFrame hanya memainkan foto JPEG (maksimum: resolusi 8000 x 8000 piksel) dan foto JPEG Progresif (Sehingga 1024 x 768 piksel).
- Pastikan foto ini tidak rosak.

Mengapakah PhotoFrame tidak berubah menjadi status mati auto selepas saya menetapkannya?

Pastikan anda menetapkan waktu sebenar, masa mati auto, dan masa hidup auto dengan betul. PhotoFrame mematikan paparan secara automatik tepat pada masa mati auto. Jika masa itu telah pun berlalu bagi hari tersebut, ia akan mula masuk status mati auto pada masa yang ditetapkan bermula daripada hari berikutnya.

Bolehkah saya meningkatkan saiz memori untuk menyimpan lebih banyak gambar pada PhotoFrame?

No. Memori dalaman PhotoFrame ditetapkan dan tidak boleh diperbesarkan. Walau bagaimanapun, anda boleh beralih antara foto berlainan dengan menggunakan peranti penyimpanan yang berlainan pada PhotoFrame.

12 Glossary

G

Gambar kecil

Gambar kecil ialah versi gambar dengan saiznya dikurangkan yang digunakan untuk menjadikannya lebih mudah untuk mengenal pasti dan menyusunnya. Gambar kecil berfungsi dalam cara yang sama untuk imej seperti yang dilakukan oleh indeks teks biasa untuk perkataan.

J

JPEG

Format gambar pegun digital yang sangat lazim. Sistem pemampatan data gambar pegun yang dicadangkan oleh Joint Photographic Expert Group, yang mencirikan pengurang kecil dalam kualiti imej berbanding dengan nisbah pemampatannya yang tinggi. Fail dikenali mengikut sambungan failnya ‘.jpg’ atau ‘.jpeg’.

K

Kad MMC

Kad Multimedia. Kad memori denyar yang menyediakan penyimpanan untuk telefon sel, PDA dan peranti pegang tangan yang lain. Kad menggunakan memori denyar untuk aplikasi baca/tulis atau cip ROM (ROM-MMC) untuk maklumat statik, yang keduanya luas digunakan untuk menambah aplikasi kepada PDA Tapak tangan.

Kad SD

Kad Memori Digital Terjamin. Kad memori denyar yang menyediakan penyimpanan untuk kamera digital, telefon sel dan PDA. Kad SD menggunakan faktor bentuk $32 \times 24\text{mm}$ yang sama seperti Kad MultiMedia (MMC), tetapi tebal sedikit (2.1mm vs. 1.4mm), dan pembaca Kad SD menerima kedua-dua format. Kad sehingga 4GB boleh didapati.

Kbps

Kilobait per saat. Sistem pengukuran kadar data digital yang selalunya digunakan dengan format mampatan tinggi seperti AAC, DAB, MP3 dsb. Lebih tinggi nilainya, umumnya kualitinya lebih baik.

Kunci Kensington

Slot Keselamatan Kensington (juga disebut Slot-K atau kunci Kensington). Sebahagian daripada sistem anti-kecurian. Ia adalah lubang kecil yang diperkuatkan dengan logam pada hampir kesemua komputer kecil atau mudah alih dan peralatan elektronik, terutamanya pada yang mahal dan/atau yang agak ringan, seperti komputer riba, monitor komputer, komputer meja, konsol permainan dan projektor video. Ia digunakan untuk memasang radas kunci dan kabel, terutamanya yang datang dari Kensington.

M

Memory Stick

Memory Stick Kad memori denyar untuk penyimpanan digital pada kamera, kamkorder dan peranti pegang tangan yang lain.

N

Nisbah aspek

Nisbah aspek merujuk kepada nisbah panjang ke tinggi skrin TV. Nisbah TV yang standard ialah 4:3, manakala nisbah TV definisi tinggi atau lebar ialah 16:9. Peti surat membolehkan anda menikmati gambar dengan perspektif yang lebih luas pada skrin standard 4:3.



© 2011 Koninklijke Philips Electronics N.V.
All rights reserved.
UM_V3.0

